

SOALAN NO.: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO.23

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan pendirian Kementerian tentang penanaman, pengembangan dan pemprosesan minyak CBD bagi tujuan perubatan.

SOALAN NO.: 23

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, *Cannabidiol* (CBD) merupakan ekstrak atau minyak daripada daun, batang dan bunga *hemp* yang boleh diproses menjadi bahan utama dalam pelbagai rantai produk makanan, kosmeseutikal dan perubatan. Walau bagaimanapun, mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, penanaman *Cannabis sativa* atau hemp adalah dilarang dan tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan penyelidikan. Sebelum hemp boleh ditanam untuk tujuan industri mahupun perubatan, kajian yang terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Kajian tersebut perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk ekonomi, sosial, dan keselamatan. Bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan hemp yang boleh meningkatkan gejala penagihan dadah, aspek kawalan dan pemantauan dari segi perundangan dan keselamatan perlu diberi perhatian. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi berkepentingan lain sedang mengkaji potensi penanaman hemp di Malaysia. Kajian tersebut dijangka mengambil masa 2 hingga 3 tahun untuk disiapkan.

Sekian, terima kasih.